

Pelaksanaan Kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an dalam Membina Akhlak Pelajar

Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa,

Saiburi, Pattani, Selatan Thailand

The Implementation Activities of PLC Halaqah al-Qur'an to Improve

Students' Ethics of Arabic Malay Classroom (AMC)

at Sasnasuksa School, Saiburi, Pattani, Thailand

Marwan Hayeemaming¹

(Received: December 17, 2021; Revised: December 25, 2021; Accepted: December 27, 2021)

ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah tinjauan kecil yang berbentuk kajian kualitatif terhadap program Professional Learning Community (PLC) Halaqah al-Qur'an yang dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) di Sekolah Sasnasuksa. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmanakah kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an memberi kesan terhadap pembentukan prestasi pelajar khususnya di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sasnasuksa School. Responden kajian terdiri dalam kalangan para pembimbing dan pelajar sebanyak 10 orang dipilih secara rawak mudah. Setelah data dikumpulkan, proses penganalisan dilakukan secara analisis kandungan. Hasil kajian ini dapati bahawa program kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an memberi kesan positif dapat mengenalpasti karakteristik pelajar. Dalam pada itu, metode PLC Halaqah al-Qur'an di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) mengandungi beberapa langkah penting antaranya ialah: metode tuntunan, *team teaching*, suri teladan dan metode hafalan. Hasil kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an yang dianjurkan oleh Jabatan AMC dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar di Sekolah Sasnasuksa secara umumnya berada pada tahap yang sangat memuaskan.

Kata kunci: PLC Halaqah al-Qur'an, Akhlak, Sekolah Sasnasuksa.

ABSTRACT

This study is a small survey in the form of a qualitative study of the Professional Learning Community (PLC) halaqah Al-Quran Program that organized by the Department of Arabic and Malay Language Classroom (AMC) at Sasnasuksa School. The purpose of this study

¹ Ketua Bahagian Akademik / Head of Academic Affairs (Corresponding author / Email : suaramurne@gmail.com)

is to identify the extent to which PLC Halaqah al-Qur'an activities affect the formation of student performance, especially in the Department of Arabic and Malay Language (AMC) Sasnasuksa School. The respondents of this study consisted of counselors and students of 10 people selected at simple random. Once the data is collected, the analysis process has been performed by content analysis. The result of this study found that the PLC Halaqah al-Qur'an activity program has a positive effect on identifying the characteristics of students. While, the PLC Halaqah al-Qur'an method in the Department of Arabic and Malay Languages (AMC) contains several important steps among which are guidance method, team teaching method, role model and memorization method. The result of PLC Halaqah al-Qur'an activities organized by the AMC Department in an effort to improve student performance in Sasnasuksa School are generally at a very satisfactory level.

Keyword: Professional Learning Community (PLC) halaqah al-Qur'an program, Ethics, Sasnasuksa School.

PENDAHULUAN

Perilaku anak perlu menanam dengan penanaman *akhlakul karimah*, karena akhlak memiliki kedudukan yang tinggi dalam al-Qur'an. Salah satu isi pokok dalam al-Qur'an adalah pengajaran tentang akhlak. Sebagaimana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan Akhlak yang mulia. Seperti yang dijelaskan dalam hadist diriwayatkan oleh al-Baihaqi: 2057 yang bermaksud : "Telah menceritakan kepada kami Sa'id bin Mansur berkata, telah menceritakan kepada kami Abdul Aziz bin Muhammad dari Muhammad bin 'Ajlani dari Al-Qa'qai bin Hukaim dari Shalih dari Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah Saw Bersabda: "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik."

Sementara melihat dewasa ini, banyak fenomena yang kemerosotan moral dan perilaku dimana anak muda menjadi pelaku utama. Kecanggihan teknologi dan informasi menjadi sarana yang mudah untuk dipelajari oleh pelajar, pelajar dapat mudah terpengaruh kepada hal yang negative (Temubual Mafooree Hayeewali, 2021). Sebagai contoh, pelajar sekolah menengah agama yang sedang menghadapi permasalahan ketika masuk ke lingkungan sekolah dengan membawa budaya baru yang bersifat kurang baik dan dengan mudah mempengaruhi, contohnya berkata kasar, malas belajar dan kotor, berkelahi dengan teman, mendengarkan musik, suka kepada bermain internet sehingga tidak pandai mengatur masa dalam kehidupan seharian (Temubual Rusyidah Maming, 2021). Oleh karena itu, bimbingan akhlak sangat penting untuk mengarahkan anak pelajar kepada kebaikan, apalagi untuk anak pelajar yang sangat

efektif untuk membentuk perilaku baik sedari hal agama. Bimbingan akhlak pada anak pelajar diperlukan agar mereka dapat mengetahui bagaimana berakhlak baik kepada Allah, kepada rasul, kepada diri sendiri, kepada ibu bapa, kepada guru dan kepada teman – temannya (Temubual Amanee Hayeemaming, 2021).

Untuk memastikan permasalahan tersebut dapat ditangani dengan baik, pada 25 Mac 2019 team Mu^callim Jabatan bahasa Arab dan bahasa Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa merancang kegiatan PLC Halaqah Al-Quran dalam melakukan pembinaan intensif untuk melahirkan generasi yang cinta kepada al-Quran, al-Hadith dan berakhlak mulia. Kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an terdiri dalam kalangan para pembimbing dan pelajar sebanyak 10 orang (Sasnasuk AMC, 2020). Demikian kerana pembimbing akan lebih mengetahui karakteristik pelajar serta dapat menunjuk jalannya yang baik agar mereka mempunyai akhlak yang mulia.

Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmanakah kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an memberi kesan terhadap pembentukan prestasi pelajar khususnya di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sasnasuksa School.

Metode Kajian

Metode utama dalam kajian ini adalah metode temubual samada secara formal maupun tidak formal. Dalam masa yang sama, kajian perpustakaan juga turut dijalankan untuk mengendali teori-teori yang berkaitan dengan topic yang dibincangkan. Responden kajian terdiri dalam kalangan para pembimbing dan pelajar sebanyak 10 orang dipilih secara rawak mudah. Setelah data dikumpul, proses penganalisan dilakukan dengan pentafsiran secara kualitatif.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Kemuliaan Halaqah Al-Qur'an

Pendidikan merupakan sebuah proses kegiatan antara guru dan pelajar untuk mendapatkan tujuan yang diharapkan, pendidikan al-Qur'an adalah pendidikan yang lebih mulia dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain. Halaqah al-Qur'an iaitu suatu perhimpunan manusia untuk mempelajari al-Qur'an. Hakikat halaqah al-Qur'an ialah halaqah kebenaran dan keadilan, halaqah nur dan hidup, halaqah pengajaran dan peringatan, halaqah rahmat dan

berkat, halaqah zikir, halaqah saling berpesan dengan jalan baik, dan sebaik-baik bentuk untuk pelaksanaan halaqah ialah halaqah belajar dan tadarus al-Qur'an (Ismail Lutfi, 2014). Halaqah al-Qur'an merupakan system pendidikan Islam tertua, yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW semenjak awal kedatangan Islam, sehingga sistem halaqah ini diwarisi dari generasi ke generasi dan telah terbukti keberkesannya dalam membentuk keperibadian umat Islam yang berasaskan aqidah dan pengetahuan (Julianti Litaloly, 2019). Adapun istilah halaqah digunakan untuk menggambarkan sekelompok kecil mengkaji ajaran Islam dengan jumlah peserta 3-12 orang, mereka mengkaji Islam dengan manhaj tertentu, yang ber asala dari jamaah (organisasi) yang menaungi halaqah, juga halaqah disebutkan dengan ta'lim dan tarbiah dengan bentuk pengajiannya berkelompok. (Ahmad Soleh, 2018).

Dalam kegiatan halaqah al-Quran yang di aplikasikan kepada anak pelajar, terdapat unsur-unsur bimbingan terutama dalam konseks akhlak sebagai sistem pembelajaran untuk membentuk akhlak yang mulia dengan menerapkan berbagai pengetahuan dan pemahaman samada akhlak baik dan akhlak buruk serta untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

2. Proses Kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an Jabatan bahasa Arab dan Melayu (AMC) di Sasnasuksa School

2.1 Latar Belakang Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC)

Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) ditubuhkan pada tahun 2018 bertujuan untuk membina anak pelajar supaya menjadi seorang pakar dalam berbahasa Arab dan Melayu serta dapat faham bahasa al-Qur'an, al-Hadith dan sumber hukum agama Islam (Sasnasuk AMC, 2020).

2.2 Visi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC)

Visi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) adalah menjelang tahun 2023 Jabatan bahasa Arab dan bahasa Melayu (Arabic Melayu Classroom AMC) Sekolah Sasnasuksa akan mencapai kedudukan jabatan terkemuka di rantau ini, yang mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi bertujuan untuk mengembangkan anak pelajar menjadi pemimpin yang bermoral, beretika, dan berilmu pengetahuan, cemerlang dalam ber Bahasa, membentuk organisasi pembelajaran dan semua anggotanya berkualiti (Sasnasuk AMC, 2020)

2.3 Misi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC)

Antara misi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (Arabic Melayu Classroom AMC) ialah:

2.3.1 Mengatur sistem pengurusan pendidikan untuk menciptakan madrasah sebagai organisasi pengetahuan.

2.3.2 Mengatur proses pembelajaran yang berkaitan dengan pendidikan sebagai sumber pengeluaran untuk Dai

2.3.3 Melahirkan anak pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang baik sesuai dengan fokus dan matlamat madrasah.

2.3.4 Menganjurkan pendidikan yang dapat menanamkan moral dan etika dalam menuntut ilmu berlandaskan ajaran Islam.

2.3.5 Mengatur aktiviti untuk mendorong pelajar mempunyai pengetahuan dan kemahiran pada abad 21.

2.3.6 Menggalakkan pengembangan personal untuk dapat mengurus pembelajaran dengan berkesan dan mempunyai kecekapan sejagat untuk mempersiapkan mereka untuk menjadi warganegara global.

2.4 Strategi

Jabatan bahasa Arab dan bahasa Melayu mempunyai strategi seperti berikut:

2.4.1 Memperkasakan pelajar untuk mencapai kecemerlangan bahasa dan akademik

2.4.2 Membangunkan kualiti hidup pelajar supaya menjadi manusia yang sempurna.

2.4.3 Meningkatkan kecekapan pengurusan untuk menjadi organisasi pembelajaran.

2.4.4 Mengembangkan kurikulum pendidikan dan potensi personal untuk menjadi professional.

2.5 Strategi Tahap Pendidikan Asas

Jabatan bahasa Arab dan bahasa Melayu (AMC) mempunyai Strategi Pendidikan Asas antaranya ialah:

2.5.1 Belajar melalui inovasi TPCK dengan mengatur proses pembelajaran melalui teknologi Islam serta mengintegrasikan Kurikulum Pengajian Islam Antarabangsa.

2.5.2 Proses pembelajaran yang menggunakan sistem halaqah sebagai teras.

2.5.3 Menggalakkan penggunaan kemahiran bahasa dengan benar, menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, latihan bertutur dan latihan persembahan untuk membolehkan pelajar menjadi komunikator profesional.

2.5.4 Model pembelajaran Active learning yang mengarahkan pelajar ke dalam proses belajar sehingga mereka dapat memperoleh tujuan belajar sesuai dengan apa yang diharapkan.

2.5.6 Membudayakan pelajar untuk mengikut cara hidup Islam dengan tegas.

Setelah ditubuhkan Jabatan Bahasa Arab dan Melayu pada tahun 2018 daripada pemerhatian penulis, dapat melihat dengan jelas bahawa proses pembelajaran yang menggunakan sistem halaqah sebagai teras ini dapat melahirkan para pelajar yang berkebolehan dalam menyesuaikan diri dalam kehidupannya, mencapai kecemerlangan bahasa dan akademik, dan banyak yang melanjutkan pembelajarannya ke peringkat Universiti samada didalam negara maupun di luar negara.

3. Tujuan PLC Halaqah al-Qur'an

Tujuan PLC Halaqah al-Qur'an di Jabatan bahasa Arab dan Melayu antaranya ialah:

3.1 Melakukan pembinaan intensif untuk mencetak generasi yang memahami dan menghafal al-Qur'an dan al-Hadith.

3.2 Membina pelajar berakhlak mulia, kreatif, mampu menganalisis masalah-masalah dengan tepat, serta dapat menyelesaikannya dengan secara berjamaah.

3.3 Mengikat silatulahmi antara Murabbi dan sesame mereka.

3.4 Memartabatkan pembelajaran al-Qur'an, al-Hadith dan akhlak.

3.5 Integrasi ilmu agama, sains dan akademik.

4. Proses Pelaksanaan PLC Halaqah al-Qur'an

4.1 Metode Halaqah al-Qur'an

Dalam hal ini, Ismail Lutfi (2014) mencadangkan metode-metode dalam mengadakan halaqah al-Qur'an seperti berikut:

4.1.1 Pilih seorang ketua yang penuh pengetahuan, berpengalaman, dan kepercayaan yang tinggi.

4.1.2 Tadarus al-Qur'an dimulakan dengan ketua halaqah, dan diikuti seterusnya hingga akhir.

4.1.3 Setiap anggota pasti menurut arahan ketua halaqah.

4.1.4 Setiap anggota halaqah berhak memberi teguran apabila terdapat kesalahan yang dibaca oleh kawan-kawannya.

4.1.5. Masing-masing anggota berusaha untuk menghafal ayat-ayat yang dibacakan dalam halaqah.

4.1.6 Setelah selesai dari bacaan hendaklah dipilih dari anggota yang berpengetahuan untuk mentafsirkan ayat-ayat yang dibacakan. Cara mentafsirkan ayat-ayat itu, ialah: Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dengan al-Hadith, tafsir al-Qur'an dengan perkataan sahabat, tabiin dan ahli tafsir serta berpandu kepada sumber kitab-kitab tafsir yang mu'tamad.

4.1.7 Sebelum penutupan halaqah setiap anggota muhasabah diri, kewajipan beramal, nasihat sesame dan lain-lain.

Dalam hal ini, menurut pandangan penulis bahawa seorang yang akan menjadi ketua atau pembimbing halaqah itu mestilah berilmu tinggi, berakhlak mulia, dan jujur untuk memperbaiki dirinya dan anak halaqahnya, kerana halaqah al-Qur'an adalah halaqah rohani, halaqah untuk memperbaiki akhlak dan moral. Dengan kaedah ini, sudah menjadi sumber rujukan bagi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu serta ubah suai menurut keadaan dan semasa.

4.2 Metode Halaqah al-Qur'an yang Dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC)

4.2.1 Halaqah Murabbi pada setiap hari Isnain jam 10.00-11.00 pagi, para murabbi merancang tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pembinaan akhlak. Selain dari pembicaraan tentang al-Qur'an para Murabbi juga berbincang tentang peningkatan akhlak anak pelajar, permasalahan yang perlu menyelesaikan, setiap orang Murabbi mempunyai anak pelajar 10 orang dibawah bimbingan mereka.

4.2.2 Halaqah anak pelajar setiap hari Selasa jam 8.00-10.00 pagi, diganti dari anak pelajar peringkat sekolah menengah rendah (tingkat 1-3) dan sekolah menengah tinggi (tingkat 4-6).

4.2.3 Jadual kegiatan PLC Halaqah Al-Qur'an

Minggu 1	Minggu 2	Minggu 3	Minggu 4
-Pendahuluan	-Ayat-ayat al-Qur'an	-Rumusan	-Ujian tulis dan ujian
-Pengertian tajuk.	Yang berkaitan dengan tajuk.	-Pembentangan dan diskusi anak pelajar.	lisan untuk menelaai anak pelajar.
	-Matan Al-hadith		
	Yang berkaitan dengan tajuk.		

5. Media dan Alat Bantu Pembelajaran

5.1 al-Qur'an. Selain dari mempelajari kaedah bacaan dan menghafalnya juga dapat mempelajari tafsirnya supaya memahami kandungan al-Qur'an yang menerangkan tentang akhlak (Temubual Suraiha Doloh, 2021).

5.2 al-Hadith. Selain dari mendalami isi al-Qur'an, al-Hadith juga menjadi dalil yang menerangkan al-Qur'an, mempelajari isi hadith dan dapat mengambil pengajaran darinya untuk menguuna dalam kehidupan seharian (Temubual, Zaidee Hawae, 2021)

5.3 Buku teks tentang akhlak, seperti Kitab Penawar Bagi Hati, karangan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili, Kitab 20 Sifat Hati yang Keji dan Terpuji, karangan Haji Nik Abdul Qadir Nik Muhammad.

5.4 Media Platform Digitalisasi pendidikan. Seperti Powerpoint, Kahoot, Quizizz, Plickers, liveworksheets, Google meet, Zoom dan sebagainya, tentang media ini digunakan bagi pembelajaran onsite dan online. Para Murabbi Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) selalu mempelajari Platform Digital untuk menerapkan dalam pembelajaran selain dari kegiatan Halaqah (Temubual Zamree Kana, 2021). Pada tahun 2021 kegiatan Halaqah di Jabatan bahasa Arab dan Melayu (AMC) tidak menjadi halangan kerana Murabbi sudah mahir dalam menggunakan Platfrom Digital (Temubual Aneeda Buedolatheh, 2021).

5.5 Buku penilain pelajar, tentang penilain ini anak pelajar masing-masing nilai dirinya sendiri, nilai kawannya, dan Murabbi menilai anak pelajarnya.

Anak-anak pelajar dapat menilai kawannya dengan sebenar, apabila menghafal ayat-ayat al-Qur'an dan matan al-Hadith semua pelajar menilai kawan-kawannya tentang hafalan itu, sehingga merasakan bahawa berkawan bukan sekadar dalam urusan tertentu bahkan saling membantu antara satu sama lain (Temubual Afiya Samoh, 2020).

6. Metode Pelaksanaan PLC Halaqah al-Qur'an

Metode ialah cara yang berisi prosedur baku untuk melaksanakan kegiatan pembelajaran, ia adalah pedoman berupa program atau petunjuk strategi mengajar yang dirancang untuk mencapai suatu tujuan pembelajaran, pedoman itu memuat tanggungjawab guru dalam merencana, melaksana, dan mengevaluasi kegiatan pembelajaran supaya mencapai keberhasilan tujuan pembelajaran yang sudah direncanakan (Mohammad Fauzan, 2017). Adapun metode yang digunakan dalam sistem Halaqah al- Qur'an di Jabatan bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sasnasuksa School adalaha seperti berikut :

6.1 Metode tuntunan: iaitu metode dimana Murabbi menuntun anak pelajarnya untuk membenarkan bacaan dan hafalannya.

6.2 Metode *team teaching*: iaitu metode pembelajaran yang dilaksanakan oleh lebih dari satu orang Murabbi pada sekelompok anak pelajar yang sama dengan cara membagi tugas. Para Murabbi menjelaskan berbagai kandungan ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith serta terjemahannya, anak pelajar juga diskusi bersama untuk mengeluarkan pandangan dan cara penyelesaian masalah-masalah.

6.3 Metode diskusi: Murabbi dan anak pelajar bersama-sama mencari jalan selesai bersama, tukar menukar pemikiran bersama untuk memecah permasalahan yang dihadapi, pertukaran pendapat dan pembahasan yang didukung dan disertai dalil-dalil yang kuat.

6.4 Metode hafalan: iaitu metode unggulan dimana anak pelajar dituntut untuk menghafal ayat-ayat Al-Quran serta Al-Hadist.

6.5 Metode suri teladan: metode ini mengadopsi kisah-kisah sahabat nabi, para ulama, sebagai memenuhi inspirasi anak pelajar dan dapat dijadikan sebagai teladan yang baik yang dapat membutuhkan tokoh idola untuk dapat jadikan panutan dalam hidup seharian.

6.6 Metode bimbingan: metode ini dapat menyesuaikan karakter dan kesefahaman antara Murabbi dan anak pelajar, murabbi pasti memberi petunjuk kepada anak pelajar, memberi bimbingan setiap kegiatan pembelajaran terhadap anak pelajarnya, memberi bantuan kepada anak pelajarnya yang kurang pandai, dengan metode ini dapat memenuhi kekurangan anak pelajar supaya mereka menjadi seorang yang sempurna bersama kawan-kawannya.

Setelah anak pelajar memasuki belajar di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) peringkat sekolah menengah rendah tingkat 1, pada awalnya hasil ujian tidak memuaskan kerana perubahan pembelajaran dari peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah. Setelah berlangsung pembelajaran di semester ke-2 para pelajar tersebut dapat meningkat nilai ujiannya, kerana pihak Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) menerapkan metode bimbingan khusus setiap hari selepas dari solat Zohor, para murabbi mengadakan majlis bimbingan bersama pelajar tersebut hanya 5 minit, perbincangannya tentang bagaimanakah meningkatkan nilai pembelajaran yang telah lepas, setelah itu para murabbi membuat pemerhatian terhadap anak pelajar tersebut. (temubual Aleeya Tahe, 2021).

Dari pemerhatian penulis, setelah Jabatan Bahasa Arab dan Melayu melaksanakan metode PLC Halaqah al-Qur'an ini, dapat memberi kesan yang baik terhadap murabbi dan anak

pelajarnya, segala permasalahan anak pelajar yang dialami baik di rumah ataupun di sekolah, mereka berani untuk berpandangan bersama murabbinya untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Manakala, mereka yang kurang baik nilai pelajarannya maka menambah baik penilainnya, anak pelajar yang kurang berkawan sesama pelajar, setelah ini suka berkawan dan saling bantu membantu antara satu sama lain, kini sudah jelas bahawa metode pelaksanaan PLC Halaqah al-Qur'an ini dapat memberi kesan yang baik terhadap murabbi dan pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sasnasuksa School.

7. Halangan dan Permasalahan

7.1 Faktor Ekonomi

Bukti yang jelas bahawa sebahagian institusi agama difardu kepada anak-anak pelajar membayarkan yuran pengajian, hal ini menunjukkan bahawa institusi agama itu tidak mencukupi untuk menyumbangkan anak pelajar (Abdullah Uma, 2013). Dimasa kini institusi agama dapat sumbangan dari kerajaan, namun tidak mencukupi hanya bantuan terhadap guru sahaja, dalam rangka memajukan sistem pendidikan ini perlu merancang projek dan mencari sumbangan samada dalam negara maupun di luar negara (Temubual Mohammad Duad, 2021). Untuk mencapai matlamat pembelajaran yang diharapkan itu sebahagian pelajar tidak ada upaya untuk menghadiri ke sekolah, sebahagian mereka bekerja bersama ibu bapa membantu keluarganya, sebahagian anak-anak pelajar dalam keadaan yatim, sebahagian anak pelajar ibu bapa bercerai (Temubual Aleeya Tahe, 2021). Menurut laporan dari jabatan keuangan Sasnasuksa School terdapat bahawa 60% anak-anak pelajar yang berada dalam kemiskinan, dan pihak sekolah boleh menyumbangkan mereka hanya 35% sahaja (Temubual Asma Haji Mohammad Soleh, 2021). Dengan faktor ekonomi inilah yang menjadi halangan utama untuk mencapai matlamat yang diharapkan.

Dalam hal ini, setelah permasalahan ekonomi sudah menjadi halangan utama dalam mencapai matlamat yang diharapkan, pihak Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) mengarahkan guru bimbingan supaya membuat pemerhatian pelajar yang kurang dibidang ekonomi, setelah itu pihak Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) memberi tawaran percuma bayaran tentang kegaitan Halaqah al-Qur'an terhadap anak pelajar tersebut. Selain dari itu, pihak Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) mengumpulkan bantuan dari murabbi dan dermawan dari luar untuk mencapai matlamat yang diharapkan. (Temubual Maforee Hayeewali, 2021).

7.2 Faktor Perubahan Kurikulum Pendidikan

Setiap kali perlembagaan pendidikan diisytiharkan, menyebabkan sistem pendidikan awam berubah dan diekori pula dengan perubahan kurikulum pendidikan Islam, kurikulum yang dipengaruhi oleh sistem pendidikan awam ialah kurikulum pendidikan Islam 2523Bd (1980), kurikulum pendidikan Islam 2535Bd (1992), kurikulum pendidikan Islam 2540Bd (1997), dan kurikulum pendidikan Islam 2546Bd (2003) (Muhammatsakree Manyuni, 2008). Kini jelaslah bahawa dasar pendidikan kerajaan berasaskan kepada mengubahsuaikan sistem pengajian Islam daripada sistem pendidikan tradisional kepada sistem yang lebih moden, para guru juga perlu mempelajari kandungan-kandungan kurikulum pendidikan Islam yang sudah diubah itu dan merancang metode pembelajaran supaya menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut semasa.

Setelah perubahan kurikulum pendidikan Islam di sekolah agama, pihak pentadbir sekolah mengarahkan para gurunya mempelajari kandungan kurikulum tersebut. Namun, terdapat sebahagian guru tidak setuju dengan perubahan itu, dan sebahagian lagi selalu mempelajari dan mendalami kurikulum itu. Dari faktor ini pihak Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) merancang kandungan pembelajaran Halaqah al-Qur'an dengan mengadakan pertemuan dikalangan murabbi setiap hari Isnin jam 10.00-11.00 pagi, para murabbi berbincang tajuk, kandungan dan peningkatan akhlak anak pelajar, permasalahan yang perlu menyelesaikan, setiap orang Murabbi mempunyai anak pelajar 10 orang dibawah bimbingan mereka. (Temubual Rusyidah Maming, 2021). Menurut pandangan penulis, setiap kali perubahan tentang kurikulum pendidikan, akan membawa kelemahan para guru untuk memenuhi masanya, kerana selain dari mengatur langkah pembelajarannya para guru juga pasti membaharuwi metode-metode yang sesuai dengan perubahan kurikulum.

Kesimpulan

Diera globalisasi dewasa ini banyak masyarakat ataupun generasi mudah dihadapkan dengan berbagai macam permasalahan yang terjadi baik dilingkungan masyarakat. begitu juga permasalahan yang terjadi dilingkungan pendidikan seperti malas beribadah, belajar dan berkurangnya etika dan lain-lain. Apabila keadaan seperti ini dibiarkan begitu saja maka akan membuat anak pelajar kehilangan nurani, kehilangan masa depannya, bahkan menjadi pelajar yang bermasalah yang membuat hidupnya tidak bermakna dalam artian mengalami kesengsaraan dan kemalaratan baik didunia maupun diakhirat kelak.

Setelah permasalahan tersebut, pada 25 Mac 2019 team Muallim Jabatan bahasa Arab dan bahasa Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa merancang kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an dalam melakukan pembinaan intensif untuk mencetak generasi yang cinta kepada al-Qur'an, al-Hadith dan berakhlak mulia. Kegiatan PLC Halaqah al-Qur'an terdiri dari pembimbing dan 10 orang pelajar dengan berkelompok, kerana pembimbing akan lebih mengetahui karakteristik pelajar serta dapat menunjuk jalannya yang baik agar mereka mempunyai akhlak yang mulia. Media pembelajaran kegiatan Halaqah al-Qur'an iaitu: al-Qur'an, al-Hadith, buku teks, media platform digital dan buku penilain pelajar. Antara metode kegiatan Halaqah al-Qur'an iaitu: Metode bimbingan, metode suri teladan, metode diskusi, metode *team teaching* dan metode tuntunan. Adapun halangan dan permasalahan dalam pelaksanaan kegiatan PLC Halqah al-Qur'an iaitu: Faktor ekonomi dan Faktor perubahan kurikulum pendidikan.

Saat ini aktiviti Halaqah al-Qur'an di Jabatan bahasa Arab dan Melayu (AMC) sudah menjadi best practice bagi lembaga Sekolah Sasnasuksa kerana sudah mencapai keberhasilan tujuan pembelajaran yang sudah direncanakan.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dalam hal ini, penulis mencadangkan beberapa cadangan untuk dilakukan penulis atau pengkaji lain antaranya seperti berikut :

1. Mengkaji tentang faktor-faktor yang mendorong murabbi dalam melaksanakan kegiatan Halaqah al-Qur'an.
2. Mengkaji tentang perhubungan antara kurikulum kegiatan Halaqah al-Qur'an dengan kurikulum pendidikan Islam.
3. Mengkaji tentang faktor-faktor yang mendorong anak pelajar dalam kegiatan Halaqah al-Qur'an.

Rujukan

- Abdulah Uma (2013). *Metode Dakwah Organisasi Islam (1990-2011) Dalam Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand*. Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan, Universiti Sains, Malaysia.
- Abu Bakr Ahmad ibni Husayn (1994). *Sunan Al-Bayhaqi*. Maktabah Darul Bazzar, Saudi Arabia.

- Ahmad Nashir (2017). Sistem Pembinaan Halaqah Terhadap Kecerdasan Emosional Santri di Markaz Tahfiz al-Qur'an al-Birr, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Fakultas Agama, Universiti Muhammadiyah Makasar, Indonesia. *Jurnal Tarbawi*, 1(2), 85-93.
- Ahmad Soleh (2018). Metode Halaqah dalam Pembelajaran Tahfidz al-Qur'an di Pondok Pesantren Tahfidz al-Qur'an Darussunnah Parung Kabupaten Bogor tahun 2018, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Hidayah Bogor, Indonesia. *Prosiding al Hidayah Pendidikan Agama Islam*, 43-52.
- Ismail Lutfi (2014). *Halaqah al-Qur'an*. Yala: Universiti Fatoni.
- Marwan Hayeemaming (2015). *Tuan Guru Haji Abdul Rasyid bin Haji Abdul Rahman Sayat: Peranan dan Sumbangannya dalam Penyiaran Ilmu Agama di Selindungbayu (Saiburi-Pattani)*. Tesis Ijazah Master Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Fatoni.
- Mohammad Fauzan (2017). *Metode Pembelajaran Suatu Pengantar Kearah Menjadi Guru Profesional*. Patani: Yayasan Pusat Menyelaraskan Tadika Kawasan Selatan (PERKASA).
- Muhamatsakree Manyunu (2008). *Analisis Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand (1961-2003)*. Disertasi dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk memperolehi ijazah Ph.D Fakulti Sains kongnitif dan pembangunan manusi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
- Sasnasuksa AMC (2020). *Kurikulum Pendidikan Islam Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC)*. Sasnasuksa School.
- Sasnasuksa School (2017). *Majlis Perasmian Bangunan Sekolah*. Sasnasuksa School.
- Syamsuddin Mohammad Yunus (1964) *Kamus Melayu*. Malaysia: Mohammad Nahdi.
- Zainuddin (2020). *Efektifitas Pelaksanaan Program Halaqah dalam Peningkatan Kemampuan Siswa Membaca al-Qur'an di SMAS Fajar Hidayah Aceh*. Skripsi Fakulti Tarbiah dan Keguruan (FTK), Universiti Islam negeri Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh, Indonesia.

Temu Bual

- Afiya Samoh, Pelajar di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 12 Ogos 2021.
- Aleeya Tahe. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.
- Amanee Hayeemaming. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.

Aneeda Buedolateh. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.

Asma Haji Mohammad Soleh. Pengarah Sasnasuksa School. Temu bual pada 20 Oktober 2021.

Maforee Hayeewali. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.

Rusyidah Maming. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.

Suraiha Doloh. Pelajar di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 12 Ogos 2021.

Zaidee Hawae. Pelajar di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 12 Ogos 2021.

Zamree Kana. Murabbi di Jabatan Bahasa Arab dan Melayu (AMC) Sekolah Sasnasuksa, Saiburi, Pattani, Selatan Thailand. Temu bual pada 15 September 2021.